

Majikan Dan Pekerja Perlu Berubah Untuk Capai Status Negara Berpendapatan Tinggi
Bernama
27 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Majikan dan para pekerja perlu melakukan perubahan baik dari segi kemahiran, pengetahuan dan teknologi ke arah meningkatkan produktiviti bagi membantu negara mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata semua majikan perlu mengenal pasti langkah terbaik yang dapat diaplikasikan dalam semua sektor bagi meningkatkan bilangan pekerja profesional dan mahir dalam usaha ke arah transformasi tersebut.

Jika transformasi itu berjaya, ia akan mengurangkan keperluan tenaga manusia, serta meningkatkan tahap profesionalisme dan kemahiran pekerja tempatan, katanya kepada pemberita selepas menghadiri Sidang Kemuncak Sumber Manusia Kebangsaan anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) di sini, Selasa.

Subramaniam berkata majikan juga perlu bersedia untuk melakukan anjakan tersebut termasuk meningkatkan latihan dan teknologi bagi menjadikan tenaga kerja mereka mahir dan berpengetahuan.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655129>